

PM negarawan

19 JUN 2002

KUALA LUMPUR 18 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai negarawan ulung yang membawa rakyat dan negara melalui proses transformasi sehingga Malaysia kini dihormati oleh dunia.

Selama tempoh 21 tahun kepimpinannya, kata Abdullah, Perdana Menteri telah membuktikan bahawa Malaysia bukan lagi negara picisan, bukan negara bertaraf penumpang dan pengikut dalam komuniti dunia tetapi memiliki identiti, harga diri, dihormati dan disegani.

Malah, Timbalan Presiden UMNO itu menegaskan bahawa Malaysia hari ini telah keluar dari status negara meminta sebaliknya berupaya berperanan sebagai negara penyumbang dari segi material mahupun bukan material.

Menurut Abdullah, di peringkat antarabangsa Malaysia turut dilihat sebagai negara contoh dari segi kestabilan politik, pembangunan ekonomi serta perpaduan rakyat.

Berucap merasmikan secara serentak Perhimpunan Agung UMNO Pergerakan Pemuda UMNO, Wanita UMNO dan Konvensyen Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini, Abdullah berkata:

“Warga Malaysia kini tidak lagi terasa rendah diri,

menjadi warga yang lebih yakin kepada diri dan warga yang dihormati oleh dunia dan inilah nikmat dan hasil sumbangan pemimpin yang menerima amanah parti dan negara sejak 21 tahun lalu.

“Itulah Dr. Mahathir, Dr. UMNO dan potret wajah seorang negarawan yang celik hati, celik minda dan sesungguhnya negara, parti dan bangsa amat bertuah dikurniakan seorang pemimpin yang begitu karismatik.”

Wawasan

Dalam ucapannya yang bertema ‘Mengubah Minda’ itu, Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri mahu UMNO memastikan 11 juta rakyat yang lahir selama tempoh 21 tahun Dr. Mahathir menerajui negara agar meneruskan wawasan besar Perdana Menteri dalam meletakkan Malaysia sebagai negara yang terus disegani.

Katanya, perhatian serius perlu diberikan kepada golongan itu kerana sebahagian besar daripada kumpulan 11 juta rakyat ini akan sampai ke usia yang melayakkan mereka mengundi dan menentukan kerajaan.

Menurut Abdullah, kumpulan 11 juta rakyat itu yang mewakili 45 peratus penduduk Malaysia hanya mengenali negara di bawah kepimpinan seorang Perdana

ulung — Pak Lah

Menteri iaitu Dr. Mahathir yang memimpin UMNO sejak 28 Jun 1981 dan negara sejak 16 Julai 1981.

Menurut beliau, sebagai golongan rakyat yang lahir di era pasca merdeka menyebabkan era penjajahan begitu asing bagi mereka, era pra-Dasar Ekonomi Baru tidak dapat mereka mengerti selain mereka tidak memiliki pengalaman untuk membuat penilaian perbandingan tentang perbezaan tahap kemajuan bangsa dan negara.

Sedangkan, tegas Abdullah, kumpulan 11 juta rakyat itu selama tempoh 21 tahun kepimpinan Perdana Menteri, hanya menyaksikan proses transformasi yang amat ketara sehingga berlaku perubahan besar kepada landskap negara dari segi fizikal, sosial, politik dan ekonomi.

Beliau menganggap golongan generasi itu adalah input utama dan penting yang akan menentukan rupa bentuk negara bangsa dan menjadi komponen besar yang akan mempelopori hala tuju negara.

“Mereka adalah warga yang harus dibawa dalam perjuangan UMNO supaya mempunyai minda dan memiliki orientasi menghayati nadi perjuangan dan menghargai peranan pemimpin dan parti yang telah meletakkan negara di persada kejayaan dan kegemilangan,” katanya.

Abdullah dalam ucapannya itu turut menyenaraikan sejumlah pencapaian besar sejak negara diterajui oleh Dr. Mahathir yang turut mempengaruhi landskap sosial negara dari segi gaya hidup, bentuk pekerjaan, daya berfikir dan daya analisis rakyat.

“Kumpulan 11 juta rakyat (generasi Dr. Mahathir) itu perlu disedarkan bahawa semua prasarana negara yang diwujudkan adalah untuk digunakan, digembelngkan bagi menjana kemajuan pada masa hadapan,” tegas beliau.

Tekanan

Beliau juga melahirkan kekaguman dengan Dr. Mahathir yang tidak pernah berputus asa dan tidak tunduk kepada tekanan sewaktu menerajui negara sehingga Malaysia mencapai kemajuan seperti yang ada sekarang.

“Di waktu muda, beliau mendampingi rakyat sebagai doktor berbasikal dari rumah ke rumah di atas batas bendang, membantu merawat pesakit di persekitaran perkampungan di Alor Setar.

“Hari ini, doktor yang sama, berpesawat dari negara ke negara di serata benua berusaha meramukan penyelesaian bagi (menyelesaikan) sengketa dunia,” kata Abdullah.